



#### UPM Tuan Rumah Mesyuarat TNC (P&I) kali ke-16



*Prof. Datuk Dr. Nik Mustapha R. Abdullah bergambar bersama Dato' Ir. Dr. Radin Umar Radin Sohadi dan Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) IPTA sebelum Mesyuarat TNC (P&I) kali ke-16.*

**SERDANG, 6 Mac** – Universiti Putra Malaysia (UPM) dipilih menjadi tuan rumah Mesyuarat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) Malaysia kali ke-16 di sini baru-baru ini.

Timbalan naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), Prof. Dr. Abu Bakar Salleh berkata mesyuarat itu bertujuan membincangkan isu berkaitan penyelidikan dan inovasi, pengkomersilan hasil penyelidikan dan hubungan universiti dengan industri dalam pengkomersilan produk baru.

Antara aktiviti yang diaturkan sepanjang mesyuarat berlangsung ialah Majlis Makan Malam di Putrajaya Marriott Hotel pada 5 April, sesi bergambar pada 6 April, mesyuarat TNC (P&I) IPTA Malaysia di Bangunan Pentadbiran UPM dan Majlis Makan Tengahari di Fakulti Kejuruteraan UPM.

Mesyuarat TNCPI IPTA Malaysia diadakan sebanyak dua kali setahun dan Universiti Malaysia (UM) dipilih menjadi sekretariat bagi mesyuarat tersebut.

Mesyuarat kali ini dipengerusikan oleh Ketua Pengarah, Jabatan Pengajian Tinggi, Kementerian Pengajian Tinggi, Prof. Dato' Ir. Dr. Radin Umar Radin Sohadi.



*Majlis Makan Malam di Putrajaya Marriott Hotel pada 5 April lalu.*

**Disediakan oleh Seksyen Media dan Publisiti, Bahagian Komunikasi Korporat, UPM.**